



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

CADANGAN PELAKSANAAN CARUMAN MANDATORI KWSP KEPADA PEKERJA BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA

Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ucapan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat pada 18 Oktober 2024, pelaksanaan caruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pekerja asing adalah dicadangkan sebanyak 2% untuk pekerja asing dan dipadankan dengan caruman 2% di pihak majikan.

Kadar tersebut akan dikekalkan sehingga kajian selanjutnya pada masa hadapan, dengan mengambil kira kesesuaian semasa.

Maklumat lanjut tentang pelaksanaan caruman mandatori ini akan diperincikan dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Setelah itu, satu rang undang-undang bagi meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 dijangka akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada sidang kali ini.

Langkah ini adalah untuk meningkatkan keadilan dalam pasaran buruh dengan memastikan perlindungan sosial bagi semua pekerja, selaras dengan piawaian antarabangsa seperti ketetapan Artikel 68 Konvensyen 102, *International Labor Organization* (ILO) iaitu hak sama rata perlindungan sosial kepada individu bukan warganegara.

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI SUMBER MANUSIA
3 FEBRUARI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	